

14 JULY 2000

Mahathir-Universiti

DR MAHATHIR SAKSIKAN PENANDATANGANAN PERJANJIAN PROJEK UNIVERSITI

BENTONG, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan penandatanganan perjanjian usahasama antara tiga buah syarikat untuk mewujudkan sebuah universiti Teknologi Maklumat (IT) di Bukit Tinggi Resort dekat sini.

Perjanjian itu, yang membabitkan pelaburan sebanyak RM10 juta, ditandatangani Berjaya Group Berhad, Informatic Holdings Limited dari Singapura dan Tadmansori Holdings Sdn Berhad di Bukit Tinggi Golf and Country Club.

Berjaya Group diwakili pengarahnya Tan Sri Abdul Rahim Haji Din, Informatic Holdings oleh pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Wong Tai manakala Tadmansori Holdings oleh pengarah urusan kumpulan Dr Tengku Rethwan Tengku Mansor.

Perjanjian itu adalah untuk membentuk satu konsortium bagi projek berkenaan.

Berjaya Group, sebuah konglomerat senarai awam yang utama di Malaysia dan Informatic Holdings, sebuah syarikat senarai awam Singapura yang terbabit dalam pemegangan pelaburan, pemberi francais bagi komputer dan pusat latihan komersil dan pemudah cara peperiksaan manakala Tadmansori Holdings adalah sebuah syarikat pemegangan.

Sebagai rakan strategik, setiap syarikat akan mempunyai 30 peratus ekuiti di dalam syarikat usahasama itu, yang akan memiliki dan menguruskan universiti yang dicadangkan itu.

Sebuah lagi rakan strategik akan memegang baki 10 peratus saham dalam syarikat itu.

Di bawah perjanjian yang ditandatangani hari ini, Informatic akan bertanggungjawab menubuhkan struktur operasi dan pengurusan universiti berkenaan.

Ia akan juga menyediakan garis panduan dan kandungan kurikulum selain bertanggungjawab bagi aspek pemasaran.

Berjaya pula akan bertanggungjawab bagi promosi selain mewujudkan infrastruktur fizikal kampus utama universiti berkenaan.

Universiti itu akan menawarkan program ijazah dan ijazah lanjutan termasuk dalam bidang perniagaan, IT dan kejuruteraan dengan penekanan kepada Penyelidikan dan Pembangunan.

Universiti itu akan dibangunkan dalam dua fasa dengan tiga kampus, dua daripadanya kampus berbentuk fizikal dan sebuah kampus siber.

Dalam fasa pertama, universiti itu akan mewujudkan sebuah kampus di Kuala Lumpur dan sebuah kampus siber yang berfungsi sepenuhnya.

Serentak dengan itu, pembinaan kampus utama universiti itu akan dimulakan di Bukit Tinggi Resort, Pahang, yang dijangka mampu menampung lebih daripada 10,000 orang pelajar.

-- BERNAMA

AFY ES AKD